

PROMOSI eDEPOSIT TETAP/eDEPOSIT TETAP-i 2024

[\(English version\)](#)

Dikemaskini 23 September 2024 untuk berkuatkuasa 23 September 2024

TEMPOH PROMOSI

“Promosi eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 10 September 2024 dan berakhir pada 30 September 2024, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai jumlah saiz dana seperti yang dinyatakan dalam **Klausula 13** di bawah, mengikut mana-mana yang dahulu (“**Tempoh Promosi**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah (“**T&S**”):

KELAYAKAN

- Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baharu dan sedia ada yang memegang akaun bagi Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“**CASA/CASA-i**”) (“**Akaun/Akaun-i Sertaan**”) dan mendaftar diri untuk Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect dan Aplikasi Mudah Alih Connect **HLB Connect**) sebelum atau semasa Tempoh Promosi (“**Pelanggan**”).
- Bagi mengelakkan keraguan:
 - Pelanggan baharu merujuk kepada pelanggan yang tidak mempunyai sebarang CASA/CASA-i dengan Bank sebelum Tempoh Promosi;
 - Pelanggan sedia ada merujuk kepada pelanggan yang memegang sebarang produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi; dan
 - Pemegang CASA/CASA-i bersama **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i (seperti yang ditakrifkan dibawah) dan **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
- Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana T&S yang terkandung di dalam T&S Umum Akaun, T&S Penggunaan HLB Connect dan T&S yang berkenaan dengan Akaun CASA/CASA-i Sertaan dan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
- Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
- Promosi ini **TIDAK** sah dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

KAEDAH PROMOSI

- Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan diatas dan yang membuat peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i ke dalam akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i baharu atau sedia ada melalui Hong Leong Connect bagi amaun tidak kurang daripada Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dan tidak melebihi Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i Maksimum (“**Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i**”) untuk Tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah semasa Tempoh Promosi adalah berhak untuk menikmati Kadar Promosi eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i sepadan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1

Tempoh	Kadar Promosi ¹	Amaun Peletakan Minimum	Amaun Peletakan Maksimum
6 bulan	3.70% setahun	RM1,000	RM200,000
12 bulan	3.70% setahun		

¹ Kadar Promosi mungkin disemak semula sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR) atau mengikut budi bicara Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu.

7. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria dalam Klausa 6 di atas dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".
8. Bagi tujuan Promosi ini, semua peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i mestilah daripada bank lain melalui Financial Process Exchange ("**FPX**"). FPX adalah suatu cara pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, dipermudahkan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.. Butiran lanjut berkaitan dengan FPX boleh disemak di <https://www.paynet.my/business-fpx.html>.
9. Amaun deposit maksimum setiap transaksi melalui FPX ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)** atau tertakluk kepada amaun maksimum/had pindahan ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan Layak yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.
10. Pemprosesan peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari berkerja dan dengan itu, tarikh efektif peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i hendaklah bermula selepas prosesnya berjaya disempurnakan dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak kerana masa yang diperlukan untuk memproses peletakan.
11. Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i hanya boleh dibuat menerusi HLB Connect antara 06:00 pagi hingga 12:00 tengah malam semasa Tempoh Promosi, atas dasar siapa cepat dia dapat. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i mesti dihantar selewat-lewatnya pada pukul 12:00 tengah malam pada hari terakhir Tempoh Promosi agar peletakan diterima untuk Promosi ini.
12. Pada tarikh matang, Amaun pokok Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i masing-masing atau pengeluaran auto dan dikreditkan ke CASA/CASA-i Diperuntukkan, yang telah dipilih oleh Pelanggan Layak semasa peletakan.
13. Jumlah saiz dana agregat untuk Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i Sertaan di bawah Promosi ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah ("**Had Saiz Dana**"):

Jadual 2

Had Saiz Dana
RM1400 juta

14. Jika Had Saiz Dana telah dicapai, Amaun Peletakan eDeposit/eDeposit Tetap-i yang melebihi Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar semasa mengikut budi bicara Bank.
15. Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Kadar Promosi eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dan/atau kriteria/keperluan untuk Promosi dengan memberi notis awal dengan memaparkan T&S yang telah diubah di laman sesawang Bank <http://www.hlb.com.my> dan www.hlisb.com.my ("**Laman Sesawang Bank**") atau mana-mana cara lain yang Bank dapati wajar dan perubahan tersebut berkuatkuasa daripada tarikh efektif yang dinyatakan didalam notis. Sebarang perubahan adalah tidak terpakai untuk peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i yang dibuat sebelum tarikh perubahan tersebut dikuatkuasakan.
16. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang diselenggarakan dengan Bank di bawah nama individu Pelanggan Layak ("**CASA/CASA-i Diperuntukkan**") bagi tujuan mengkreditkan faedah/keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan oleh Pelanggan Layak pada tarikh matang.

17. Jika Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada faedah/keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i, tanpa mengira bilangan bulan yang lengkap pada masa pengeluaran sebelum tarikh matang. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, faedah/keuntungan akan dikira dari baki Amaun Pokok setelah pengeluaran dibuat.
18. Bank berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i.
19. Pelanggan layak dengan produk eDeposit Tetap-i akan dianggap telah bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran eDeposit Tetap-i sebelum tarikh matang.
20. Tertakluk kepada Klausa 17 T&S Promosi, pengeluaran sebahagian eDeposit Tetap dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki eDeposit Tetap kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan eDeposit Tetap mengikut Klausa 17.
21. Tertakluk kepada Klausa 17 T&S Promosi, pengeluaran sebahagian eDeposit Tetap-i dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki eDeposit Tetap-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan eDeposit Tetap-i mengikut Klausa 17.
22. Amaun Peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak kecuali Amaun Peletakan eDeposit Tetap digunakan sebagai cagaran untuk menjamin Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB. Sila rujuk [Terma & Syarat Kad Kredit dengan Deposit Tetap](#) untuk maklumat lanjut.

UMUM

23. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
 - (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi dan Terma dan Syarat Umum Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat berkaitan dengan Akaun CASA/CASA-i dan Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i ("**Terma dan Syarat Berkenaan**");
 - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah muktamad;
 - (iii) bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
 - (iv) untuk mengakses Laman Sesawang Bank dengan kerap untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
 - (v) faedah/keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat semacamnya; dan
 - (vi) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
24. Bank berhak:
 - (i) dengan notis awal kepada pelanggan, menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara paparan dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank pada bila-bila masa;
 - (ii) membatalkan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat Berkenaan; dan
 - (iii) untuk menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan, atau pelanggaran Terma dan Syarat Berkenaan dikesan.

25. Tambahan kepada T&S di dalam ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
26. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S muktamad dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.
27. T&S ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
28. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

eDeposit Tetap-i Dalam Talian adalah berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.